



## SIARAN AKHBAR

### JANA KAPITAL MENAMATKAN PENGUJIAN DALAM BDCB FINTECH REGULATORY SANDBOX

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan bahawa Jana Kapital telah menamatkan ujian di dalam BDCB FinTech Regulatory Sandbox pada 10 Oktober 2024. Ini adalah berikutan dengan perancangan syarikat tersebut untuk menyelaraskan semula model perniagaannya yang tidak termasuk skop asal ujian dalam BDCB FinTech Regulatory Sandbox.
2. Jana Kapital mula menguji aktiviti platform Islamic peer-to-peer (P2P) crowdfunding di dalam BDCB FinTech Regulatory Sandbox pada 5 Ogos 2019. Aktiviti tersebut menawarkan sumber pembiayaan alternatif untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), di samping menawarkan peluang pelaburan kepada orang ramai.
3. BDCB FinTech Regulatory Sandbox telah dilancarkan pada 27 Februari 2017 untuk memudahkan pembangunan teknologi kewangan ataupun FinTech di Negara Brunei Darussalam. Sandbox ini memberi peluang kepada syarikat-syarikat FinTech yang berkelayakan untuk menguji produk dan perkhidmatan FinTech mereka dalam persekitaran pengawalseliaan yang fleksibel dalam tempoh masa dan parameter yang dipersetujui.
4. Jenis produk dan perkhidmatan FinTech yang boleh diuji melalui Sandbox ini termasuk aktiviti-aktiviti perbankan, insurans/takaful, pasaran modal atau produk dan perkhidmatan kewangan yang inovatif di bawah bidang kuasa pengawalseliaan BDCB yang berpotensi untuk memberi manfaat kepada pengguna kewangan.
5. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Garispanduan FinTech Regulatory Sandbox, serta proses dan keperluan bagi pengujian, sila layari laman web BDCB di <https://www.bdcg.gov.bn>.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 2 Jamadilawal 1446 / 4 November 2024

Ruj: BDCB/COMMS/3